

Teladani Sejarah Hargai Warisan

Sistem Bahasa (Kertas 1)

Bahagian A

Ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditanda dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

- 1 Laksa Sarawak adalah makanan tradisi di Sarawak. Tiada kesalahan.
A B C D
- 2 Kakak tersentak daripada lamunan bila dipanggil oleh adik di dalam bilik tidur. Tiada kesalahan.
A B C D
- 3 Semua mata tertumpu ke Haikal apabila dia dipanggil. Tiada kesalahan.
A B C D
- 4 Semakin kerap seseorang individu itu bersenam, makin sihat tubuh badan. Tiada kesalahan.
A B C D
- 5 Fatimah ialah pelajar paling pandai di sekolahnya. Tiada kesalahan.
A B C D

Bahagian B

Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan frasa. Garis kesalahan frasa tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- 1 Khairil menggeleng-geleng kepalanya berkali-kali apabila dituduh mencuri ayam Pak Usop.

- 2 Mak Cik Ramlah sangat rindukan sekali anaknya yang sedang belajar di Syria.

- 3 Berbagai projek-projek yang dilaksanakan oleh kerajaan demi kemajuan negara.

- 4 "Kelakuan kamu telah lama diperhatikan oleh saya," kata Cikgu Akma kepada Khaidir.

- 5 Kedua orang ibu bapa Awie telah meninggal dunia ketika dia masih kecil.

Baca bahan di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

KUCARI DAMAI DI SINI

Kucari damai di sini
di tanah subur makmur dan merdeka
yang menyilau dan merdeka antara realiti dan mimpi
membebat perasaan kehidupan
dengan sejarah persaudaraan
mengikat naluri kemanusiaan.

Kucari damai di sini
cinta dan jati diri
bersemarak di laman sukma
dengan kasih sayang
bersemadi di naluri.

Di sini damainya badai
moga gemilang sepanjang zaman
menjadi catatan sejarah kebanggaan
untuk generasi masa depan.

A.Hamid Jemain

(Dipetik daripada antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*,
(Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia)

- 1 Yang berikut merupakan persoalan yang terdapat dalam sajak di atas, **kecuali**
 - A persoalan cinta akan tanah air.
 - B persoalan negara yang aman dan makmur.
 - C persoalan pentingnya mempertahankan kedaulatan negara.
 - D persoalan kedamaian akan wujud apabila adanya kasih sayang.
- 2 Apakah nada bagi sajak di atas?
 - A Protes
 - B Patriotik
 - C Romantis
 - D Melankolik
- 3 Yang manakah antara berikut merupakan bentuk sajak di atas?
 - A berbentuk terikat
 - B terdiri daripada dua rangkap
 - C baris pada setiap rangkap tidak sama
 - D mempunyai tiga hingga lapan patah perkataan dalam setiap baris
- 4 Apakah unsur gaya bahasa di atas?
 - A Simbolik
 - B Hiperbola
 - C Unsur alam
 - D Personifikasi
- 5 Berikut merupakan harapan penyajak yang terdapat dalam rangkap ketiga sajak *Kucari Damai di sini*, **kecuali**
 - A kemerdekaan yang dicapai akan berkekalan.
 - B kita perlulah mengikut arus perubahan masa.
 - C kita perlulah berdamai dan hidup dalam keadaan aman.
 - D kejayaan yang diperoleh menjadi kebanggaan generasi muda.

membebat perasaan kehidupan